

18/09/2002

Kesatuan disaran tuntutan elaun, pinjaman perumahan

PETALING JAYA, Selasa - Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) meminta semua kesatuan sekerja menuntut majikan masing-masing memperuntukkan elaun perumahan dan kemudahan pinjaman perumahan ketika rundingan perjanjian bersama pada masa depan.

Presidennya, Senator Datuk Zainal Rampak, berkata tuntutan itu perlu kerana ramai majikan yang tidak menyediakan kemudahan berkenaan kepada pekerja tempatan yang dibayar gaji serendah RM350 sebulan walaupun mereka memberikan kemudahan tempat tinggal kepada pekerja asing.

Tambahan pula, katanya, majikan masih enggan mempersetujui tuntutan supaya dilaksanakan gaji minimum kebangsaan seperti yang dituntut MTUC walaupun kerajaan bersetuju.

"Pekerja asing boleh disediakan tempat tinggal tetapi pekerja tempatan, pinjaman perumahan pun tidak diberi," katanya berucap merasmikan Persidangan Dwi-Tahunan Ke-11 Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Akhbar (NUNW) di sini, hari ini.

Hadir sama ialah Presiden NUNW, Gan Hoe Jian, dan Setiausaha Agung NUNW, Chandra Segaran.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Zainal sekali lagi menggesa kerajaan meminda Akta Kerja 1955 bagi memasukkan peruntukan gaji minimum kebangsaan kerana rundingan tiga pihak selama ini menemui kegagalan kerana keengganan majikan mempersetujuinya.

Katanya, sebahagian besar majikan masih berpegang kepada mentaliti ketinggalan zaman iaitu gaji pekerja ditentukan pasaran, bukan mengambil kira kos sara hidup yang semakin meningkat pada masa ini.

"Pekerja bukannya barangan yang upahnya ditentukan pasaran, pekerja adalah manusia yang memerlukan pendapatan munasabah untuk menyara hidup," katanya.

Zainal berkata, tidak seperti yang didakwa majikan, pekerja tempatan sebenarnya tidak memilih kerja tetapi memilih pekerjaan yang menawarkan gaji munasabah.

Katanya, majikan sengaja memberi alasan itu kepada kerajaan untuk membolehkan mereka terus mengambil pekerja asing dan memberikan gaji yang rendah.

"Bayangkan apa yang boleh dibuat pekerja tempatan yang menerima gaji RM350 sebulan, sewa rumah saja pun sudah berjumlah RM300," katanya.

Mengenai kedudukan tuntutan gaji minimum, Zainal berkata beliau sudah beberapa kali berbincang dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri pada dasarnya sudah mempersetujuinya.

Bagaimanapun, katanya, apa yang menjadi masalah ialah jumlah gaji itu serta persetujuan majikan untuk melaksanakannya secara sukarela tanpa penguatkuasaan menerusi undang-undang.

"Dulu MTUC meminta RM900 tetapi tiada cadangan balas. Sekarang kita pun tidak tahu sama ada RM900 itu wajar pada masa ini memandangkan peningkatan kos sara hidup," katanya.

Zainal berkata, tuntutan gaji minimum itu wajar memandangkan produktiviti pekerja Malaysia adalah tinggi dan terus meningkat.

Katanya, laporan Perbadanan Produktiviti Kebangsaan (NPC) menunjukkan produktiviti pekerja Malaysia meningkat 3.3 peratus tahun lalu dan peningkatan itu dijangka mencapai lima peratus tahun ini.